

Proses Pemendekan Dalam Pembentukan Kata Submorfologi Dalam Teras: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita

The Shortening Process in the Formation of Submorphological Words in the Core: A New Narrative of UKM Universiti Watan Kita

Nurlyana Sofea Zakiyyah Asral Farhi
¹Harishon Radzi

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹naslin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Naratif seorang pemimpin perlulah bersifat cekap dan tepat dalam memastikan sesebuah organisasi berjalan dengan lancar. Kemampuan bertutur seorang pemimpin juga dilihat melalui butir-butir ayat serta pemilihan leksikal yang betul dalam percakapan mahupun dalam bentuk tulisan. Kajian ini adalah berkaitan penggunaan singkatan dalam pembentukan kata tunggal dalam TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita oleh Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman. Tujuan kajian ini ialah mengenal pasti jenis-jenis singkatan, membincangkan struktur penggunaan kata singkatan dan meneliti konteks teks TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan menganalisis data-data daripada teks dari TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua bentuk singkatan yang kerap digunakan iaitu akronim dan inisialisme dan dipecahkan mengikut kategori masing-masing yang selanjutnya akan dibincangkan menerusi konteks ayat penuh berdasarkan penggunaannya yang berkait dengan naratif kepemimpinan. Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris juga banyak memberi pengaruh kepada pembentukan kata tunggal yang berbentuk akronim dan inisialisme. Pendekatan yang diterapkan dalam kajian ini ialah pendekatan Ismail Dahaman (2017) menerusi buku beliau yang berjudul 'Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung'. Dapatan dari kajian ini menemukan penggunaan singkatan yang menarik dan penggunaannya dalam naratif sebagai seorang pemimpin. Penggunaan singkatan dapat membantu pemimpin dalam menyampaikan mesej secara efisien.

Kata Kunci: Pembentukan kata, singkatan, akronim, inisialisme, naratif, pemimpin

ABSTRACT

A leader's narrative must be efficient and accurate in ensuring that an organization runs smoothly. A leader's ability to speak is also seen through the details of sentences as well as the correct lexical selection in conversation as well as in writing. This study is related to the use of abbreviations in the formation of single words in TERAS: New Naratif UKM Universiti Watan Kita by Vice Chancellor UKM, Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman. The purpose of this study is to identify types of abbreviations, discuss the structure of the use of abbreviations and examine the context of the text TERAS: New Naratif UKM Universiti Watan Kita. The research method used is to analyze data from the text from TERAS: New Narrative UKM Universiti Watan Kita. The results of the study found that there are two forms of abbreviations that are frequently used, namely acronyms and initialisms and are broken down according to their respective categories which will further be discussed through the context of full sentences based on their use in relation to leadership narratives. In addition, the use of the English language also greatly influences the formation of single words in the form of acronyms and

initialisms. The approach applied in this study is the approach of Ismail Dahaman (2017) through his book entitled 'Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung'. Findings from this study found the use of abbreviations interesting and their use in narratives as a leader. The use of abbreviations can help leaders deliver messages efficiently.

Keywords: *Word formation, abbreviation, acronym, initialism, narrative, leader*

1. Pengenalan

Menurut Idris (2004), kepemimpinan merupakan salah satu proses kehidupan sosial yang penting dan sentiasa mendapat keutamaan manusia. Seorang pemimpin yang berkaliber mempunyai penguasaan bahasa yang pada tahap cemerlang. Kepimpinan boleh diukur dengan kebolehan seorang pemimpin untuk mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Dirham (2019) menyatakan bahawa kepemimpinan ialah tindakan untuk mempengaruhi seseorang, proses komunikasi yang jelas dan tepat untuk menerangkan kepada ahli matlamat yang ingin dicapai berkaitan matlamat individu, kumpulan, dan organisasi. Dalam konteks kajian ini naratif sebagai seorang pemimpin dilihat melalui buku TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita yang ditulis oleh Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor UKM. Penggunaan bahasa dalam wacana kepemimpinan dapat menjadi medium dalam menghasilkan amalan dan praktis sosial. Dalam proses kepemimpinan, memang tidak boleh dinafikan peranan bahasa sebagai wahana komunikasi dan interaksi (Idris, 2004). Penggunaan leksikal yang sesuai amatlah penting supaya mesej yang ingin disampaikan jelas dan tepat.

1.1 Permasalahan Kajian

Kebiasaannya, proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu terhasil melalui proses penggabungan atau pencatuman morfem dasar dengan morfem-morfem lain seperti proses tunggal (kata tunggal), proses pengimbuhan (kata terbitan), proses pemajmukan (kata majmuk) dan proses penggandaan (kata ganda). Namun begitu, terdapat juga pembentukan kata yang tidak menjadikan morfem sebagai asas untuk menghasilkan perkataan baharu. Proses-proses pembentukan kata yang tidak menunjukkan sifat morfologi ini digelar sebagai pembentukan kata tidak morfologis atau pembentukan kata submorfologi. Proses pembentukan kata dipecahkan kepada dua iaitu pembentukan kata tunggal dan pembentukan kata kompleks (proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan). Manakala pembentukan kata tunggal merujuk kepada proses penyingkatan kata yang dikategorikan dalam jenis kata akronim (Ismail Dahaman, 2017). Dalam konteks kajian ini, proses pemendekatan kata yang melibatkan singkatan yang digunakan oleh Naib Canselor UKM dalam tulisannya TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita akan diteliti dan dilihat dengan lebih jelas.

Keupayaan bahasa Melayu berswadaya segaris dengan peredaran zaman menunjukkan bahawa bahasa tersebut berkembang dan kekal relevan digunakan. Kata singkatan semakin meluas dipraktikkan dalam bahasa Melayu bukan sahaja pada tahap kegunaan harian malahan dalam wacana kepemimpinan oleh kerana fungsi kata singkatan yang memudahkan penyampaian maklumat. Kebanyakan kajian lepas menggunakan istilah-istilah yang berbeza bagi menggambarkan proses-proses penyingkatan atau pemendekan kata. Proses penyingkatan kata merupakan salah satu subtopik dalam morfologi yang kurang diberi perhatian oleh pengkaji walau mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Proses penyingkatan kata merupakan pembentukan kata yang merangkumi proses pengurangan sebagai salah satu cara pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu, Amat Juhari Moain (1985) dalam Muhammad Marwan Mohd Tanos dan Nik Safiah Karim (2014) berpendapat bahawa pembentukan kata dan istilah baharu melibatkan beberapa proses iaitu, akronim, penggemblengan dan penyingkatan. Ketiga-tiga proses tersebut merupakan langkah yang digunakan untuk memendekkan sesuatu perkataan untuk menjadi kata yang baharu. Kajian ini memfokuskan terhadap pemilihan serta penggunaan singkatan

oleh Naib Canselor UKM diteliti dalam menyampaikan maklumat. Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti pembentukan kata baharu dalam TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita.
2. Mengkategorikan item-item pemendekan kata baharu dalam TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita.
3. Menganalisis item-item pemendekan kata baharu dalam TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita.

2. Tinjauan Literatur

Kajian terhadap pembentukan kata yang meneliti tentang singkatan atau kependekatan kata didapati kurang dilakukan. Antara kajian yang membincangkan aspek pembentukan kata telah dilakukan oleh pengkaji Muhammad Marwan Mohd Tanos dan Nik Safiah Karim pada tahun 2014 yang bertajuk *Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal*. Kajian tersebut adalah bertujuan untuk meneliti proses-proses yang berlaku dalam pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Fokus utama dalam kajian ini memperlihatkan dakwaan beberapa ahli linguistik Barat yang berpendapat bahawa proses-proses pembentukan kata yang melibatkan kaedah pemendekan, seperti pengakroniman, pengeratan dan penggabungan tidak mempunyai unsur-unsur yang selayaknya terkandung dalam bidang morfologi. Fokus terhadap kajian ini ialah pembuktian terhadap proses penyingkatan dalam bahasa Melayu yang mengandungi proses-proses yang melibatkan aspek morfologi.

Kajian seterusnya meneliti tentang aspek pembentukan kata telah dilakukan oleh Nurul Atiqah Nor Azman dan Harishon Radzi yang bertajuk *Bahasa Lincak: Pembentukan Kata Baharu dalam Komik Humor Remaja* pada tahun 2017. Objektif utama bagi kajian tersebut ialah mengenal pasti penggunaan kata baharu serta data dikategori dan dianalisis menggunakan Prinsip Kognitif. Perkembangan bahasa yang sentiasa bertukar mengikut arus peredaran zaman merupakan salah satu faktor berlakunya pembentukan kata baharu dalam kalangan remaja sesuai dengan imej mereka. Pembentukan kata baharu dalam komik humor remaja merupakan salah satu teknik pemasaran secara tidak langsung untuk menarik minat pembaca kerana mempunyai unsur-unsur lawak dan juga sesuai dengan cita rasa anak muda.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Penggunaan Singkatan dalam Sistem Pesanan Ringkas oleh Majlis Keselamatan* oleh Harishon Radzi, Nur Anis Syafiq Zulkefli dan Junaini Kasdan pada tahun 2022 membincangkan tentang penggunaan singkatan inisialisme dalam sistem pesanan ringkas (SMS) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penggunaan singkatan berbentuk inisialisme dengan jelas banyak diguna pakai dalam penyampaian maklumat dan mempunyai peranan yang signifikan dalam komunikasi menerusi medium teks mesej. Dengan mengaplikasikan pendekatan Ismail Dahaman (2017), pengkaji mendapati bahawa terdapat satu corak sahaja bagi pembentukan singkatan inisialisme iaitu pembentukannya dengan mengambil huruf-huruf pertama bagi setiap komponen frasa yang berkenaan.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan analisis teks. Kajian ini merupakan kualitatif. Analisis kajian ini dilakukan secara deskriptif. Data dalam kajian diperoleh melalui buku TERAS Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita yang ditulis oleh Naib Canselor UKM.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Pengkaji mengumpulkan data melalui dua peringkat iaitu, pengenalan pastian peringkat awal dilakukan secara rawak iaitu bagi melihat secara bentuk penyingkatan kata yang terdapat di dalam teks makalah tersebut. Kemudian, peringkat kedua memperlihatkan pengkaji melakukan pembacaan dan pengenalan pastian dengan lebih teliti bagi mengeluarkan data. Pengkaji mengumpul leksikal-leksikal yang melalui proses penyingkatan kata yang ditemukan di dalam teks makalah tersebut.

3.2 Analisis Data

Setelah data selesai dikumpulkan, data tersebut dikategorikan mengikut bentuk dan corak penyingkatan kata. Terdapat dua kategori penyingkatan kata yang telah dikenal pasti, iaitu: (a) pengakroniman dan (b) inisialisme. Data kajian tersebut adalah selaras dengan objektif dan batas kajian yang ditetapkan. Kedua-dua kategori penyingkatan kata tersebut dianalisis mengikut kerangka teori Ismail Dahaman (2017) sebagai rujukan untuk menganalisis dan menghuraikan data-data yang terkumpul dengan lebih terperinci.

4. Dapatan dan Perbincangan

Menurut Ismail Dahaman (2017), kata akronim merupakan kata tunggal yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pangkal atau suku-suku kata daripada frasa dua kata atau lebih. Tatabahasa Dewan, 2008:583, mendefinisikan akronim sebagai “kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal suku kata atau gabungan kombinasi huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaian kata”. Inisialisme pula menurut Ismail Dahaman (2017) ialah satu bentuk kata gabungan daripada huruf-huruf pertama bagi setiap perkataan yang terdapat dalam frasa berkenaan. Jadual 1 menunjukkan data leksikal-leksikal yang melalui proses penyingkatan yang telah dikumpul.

JADUAL 1

Singkatan	Frasa Nama
TERAS	Talent Ethics Revitalise Agile SoulPTj Pusat Tanggungjawab
COE	Centre of Excellence
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IR4.0	Revolusi Industri Keempat
PIMPIN	Program Kepimpinan dan PembangunanInsan
IoT	Internet of Things
MOOC	Massive Open Online Courses
ODL	Open and Distance Learning
SIHAT	Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy
IAMC	Integrated Academic Medical Centre
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SOP	Standard Operating Procedure
U4S	University for Society
SULAM	Service-Learning Malaysia-U4S
SKUK	Sekolah Ku Universiti Ku
OKU	Orang Kurang Upaya

4.1 Pengakroniman Kata

Ismail Dahaman (2017) telah mengkategorikan tiga cara perlakuan bagi membentuk akronim. Pertama sekali ialah akronim yang dibentuk dengan menggabungkan huruf-huruf pangkal kata daripada frasa dua kata atau lebih seperti kata akronim ABIM dibentuk daripada frasa nama

khas “*Angkatan Belia Islam Malaysia*”. Kedua, akronim dibentuk dengan menggabungkan suku-suku kata yang terdapat dalam frasa dua kata atau lebih. Contohnya, kata “*tadika*” yang terbentuk daripada suku-suku kata pertama kata yang membentuk frasa nama am “*taman didikan kanak-kanak*”. Ketiga ialah akronim yang dibentuk dengan menggabungkan huruf pertama kata atau huruf pertama suku kata dengan suku kata atau bahagian daripada suku kata daripada mana-mana kata dalam frasa dua kata atau lebih. Tamsilnya, kata akronim Proton yang merupakan gabungan huruf pangkal kata dengan suku kata daripada frasa nama “*Perusahaan Otomobil Nasional*”. Berdasarkan tiga perlakuan tersebut, pembentukan akronim dalam bahasa Melayu bersifat terbuka dan tidak berlandaskan aturan pembentukan kata yang tertentu, iaitu sama seperti yang berlaku dalam kebanyakan bahasa yang lain. Jadual 2 menunjukkan data leksikal-leksikal yang melalui proses pengakroniman yang telah dikumpul.

JADUAL 2

Akronim	Frasa Nama
TERAS	Talent Ethics Revitalise Agile Soul
PIMPIN	Program Kepimpinan dan Pembangunan Insan
SIHAT	Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy
SULAM	Service-Learning Malaysia-U4S


4.1.1 Pengakroniman Bahasa Melayu

Data pengakroniman kata dikategorikan kepada dua iaitu pengakroniman bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Jadual 3 menunjukkan singkatan yang berbentuk pengkroniman dalam bahasa Melayu.

JADUAL 3

Akronim	Frasa Nama	Sebutan
PIMPIN	Program Kepimpinan dan Pembangunan Insan	[pim.pin]

Proses pembentukan kata akronim boleh dilihat dalam Rajah 1. Contoh akronim yang ditunjukkan adalah PIMPIN.



Rajah 1: Proses Pembentukan Kata Singkatan Akronim PIMPIN

Akronim PIMPIN dibentuk sebagai singkatan bagi program yang dianjurkan oleh pihak UKM untuk mencungkil, membina, memperkukuh serta mengembangkan potensi dan ciri kepemimpinan warga UKM. Akronim yang dibentuk tersebut selaras dengan objektif program yang ingin dijalankan. Pembentukan akronim PIMPIN memperlihatkan perlakuan ketiga seperti yang telah dibincangkan oleh Ismail Dahaman (2017). Kata akronim PIMPIN ialah gabungan huruf pangkal kata dengan suku kata

daripada frasa nama “**P**rogram **K**epimpinan dan **P**embangunan **I**nسان”. PIMPIN dihasilkan daripada gabungan huruf /p/ daripada perkataan “program”, suku kata **-im** daripada perkataan “kepimpinan”, huruf /p/ daripada perkataan “pembangunan” dan suku kata awal dalam kata “insan”.


4.1.2 Pengakroniman Bahasa Inggeris

Ismail Dahaman (2017) menyatakan bahawa bentuk pengakroniman dan inisialisme dalam bahasa Inggeris banyak digunakan sebagai nama khas tempatan seperti organisasi awam, organisasi swasta, badan bukan kerajaan, syarikat, perniagaan, gelaran atau jawatan, aktiviti atau program khusus yang sejak awal-awal lagi sudah dibentuk dalam bahasa Inggeris. Jadual 4 menunjukkan pengakroniman bahasa Inggeris.

JADUAL 4

Akronim	Frasa Nama	Sebutan
TERAS	<i>Talent Ethics Revitalise Agile Soul</i>	
SIHAT	<i>Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy</i>	
SULAM	<i>Service-Learning Malaysia-U4S</i>	[su.lam]

Bagi pengakroniman bahasa Inggeris TERAS, proses pembentukan kata tersebut boleh dilihat dalam Rajah 2.



Rajah 2: Proses Pembentukan Kata Singkatan Akronim TERAS

Bagi singkatan bahasa Inggeris TERAS, proses pembentukan kata tersebut boleh dilihat dalam Rajah 2. Penggunaan akronim TERAS ialah bertujuan sebagai singkatan bagi lima nilai utama UKM sebagai elemen kebitaraan dan prakarsa yang dijadikan hala tuju universiti. Huruf /s/ diambil daripada perkataan “talent”, huruf /e/ diambil daripada perkataan “ethics”, huruf /r/ diambil daripada perkataan “revitalise”, huruf /a/ diambil daripada perkataan “agile” dan huruf /s/ diambil daripada perkataan “soul”. Singkatan ini memainkan peranan yang penting di dalam wacana yang dipilih kerana nilai TERAS dijadikan sebagai prinsip kebitaraan dan prakarsa kepada Visi dan Misi UKM.

Bagi singkatan SIHAT pula, huruf /s/ diambil daripada perkataan “sustainable”, huruf /i/ diambil daripada perkataan “inclusive”, huruf /h/ diambil daripada “healthcare”, huruf /a/ diambil daripada “affordable” dan huruf /t/ diambil daripada “trustworthy”. Frasa ini membawa maksud sistem kesihatan yang mapan, lestari, inklusif, berpatutan dan boleh dipercayai. Pembentukan frasa ini wujud kerana kesihatan merupakan salah satu aspek yang dititik beratkan dalam memperkasakan nilai TERAS. Inisiatif SIHAT ialah bertujuan untuk mengukuhkan dan memajukan bidang perubatan, biomedikal dan teknologi kesihatan.

Seterusnya, akronim SULAM yang membawa maksud Service-Learning Malaysia-U4S. Pengakroniman bagi singkatan SULAM adalah sedikit berbeza kerana maksud yang dibawa dengan bentuk akronim tidak sejajar. Hal ini kerana maksud bagi SULAM juga mengandungi bentuk singkatan yang lain iaitu U4S yang membawa maksud University for Society. Huruf /s/ daripada perkataan “service” manakala huruf /l/ daripada perkataan “learning”. SULAM merupakan suatu program yang mewujudkan jaringan kerjasama antara masyarakat, universiti, industri dan pihak NGO. Program

tersebut melibatkan penglibatan pelajar secara langsung bersama komuniti setempat.

4.2 Inisialisme

Menurut Ismail Dahaman (2017), penyingkatan bentuk inisialisme merupakan satu bentuk kata gabungan daripada huruf-huruf pertama bagi setiap perkataan yang terdapat dalam frasa berkenaan, dengan keseluruhan kata ditulis dengan huruf besar juga, tetapi dilafazkan dengan menyebut nama huruf demi huruf. Kata inisialisme tidak dapat dilafazkan sebagai kata yang utuh kerana tidak memiliki huruf vokal atau tidak cukup huruf vokal untuk membolehkan wujudnya sebutan semua suku kata. Jadual 5 menunjukkan singkatan yang berbentuk inisialisme dalam wacana TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita.

JADUAL 5

Inisialisme	Frasa Nama
PTj	Pusat Tanggungjawab
COE	Centre of Excellence
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IR4.0	Revolusi Industri Keempat
IoT	Internet of Things
MOOC	Massive Open Online Courses
ODL	Open and Distance Learning
IAMC	Integrated Academic Medical Centre
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SOP	Standard Operating Procedure
U4S	University for Society
SKUK	Sekolah Ku Universiti Ku
OKU	Orang Kurang Upaya


4.2.1 Inisialisme Bahasa Melayu

Data inisialisme kata dikategorikan kepada dua iaitu inisialisme bahasa Melayu dan inisialisme bahasa Inggeris. Jadual 6 menunjukkan singkatan yang berbentuk inisialisme dalam bahasa Melayu.

JADUAL 6

Inisialisme	Frasa Nama
PTj	Pusat Tanggungjawab
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SKUK	Sekolah Ku Universiti Ku
OKU	Orang Kurang Upaya

Proses pembentukan kata singkatan inisialisme boleh dilihat dalam Rajah 3. Contoh singkatan yang ditunjukkan adalah PTj.



Rajah 3: Proses Pembentukan Kata Singkatan Inisialisme PTj

PTj merupakan singkatan bagi Pusat Tanggungjawab yang merupakan pusat sehenti bagi pengoperasian di UKM. Singkatan PTj terbentuk hasil daripada gabungan huruf /p/ daripada perkataan “pusat”. Manakala huruf /t/ dan /j/ pula daripada perkataan “tanggungjawab” yang telah dipisahkan. Contoh ayat yang menggunakan singkatan ini adalah, “Semakan ini menjadikan operasi Pusat Tanggungjawab (PTj) di UKM bersifat pusat sehenti dan pada masa yang sama memendekkan sesuatu proses kerja mengikut kesesuaian” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

Seterusnya, singkatan UKBM terbentuk daripada gabungan huruf /u/ daripada perkataan “ujian”, huruf /k/ daripada perkataan “kecekapan”, huruf /b/ daripada perkataan “bahasa” dan huruf /m/ daripada perkataan “Melayu”. UKBM merupakan salah satu inisiatif pihak UKM dalam memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Hal ini dilakukan supaya penghayatan dan penguasaan bahasa Melayu dapat ditingkatkan.

Selanjutnya, singkatan KPT adalah hasil gabungan huruf-huruf pertama yang diambil daripada frasa nama Kementerian Pengajian Tinggi. Gabungan huruf-huruf tersebut terdiri daripada huruf /k/ daripada perkataan “kementerian”, huruf /p/ daripada perkataan “pengajian” dan huruf /t/ daripada perkataan “tinggi”. Singkatan KPT kerap digunakan iaitu sebanyak 18 kali. Hal ini kerana implementasi nilai TERAS dititik beratkan supaya sejajar dengan aspirasi KPT.

Sementara itu, singkatan PdP terbentuk daripada hasil gabungan huruf /p/ daripada perkataan “pengajaran”, huruf /d/ daripada perkataan “dan” dan huruf /p/ daripada perkataan “pengajaran”. Dalam konteks ini, huruf /d/ dieja dengan huruf kecil untuk membezakan antara huruf /p/ di mana kedua-duanya membawa makna yang berbeza. Kekekapan singkatan PdP adalah sebanyak lima kali. Penggunaan singkatan PdP banyak digunakan kerana pihak UKM mengambil berat tentang aktiviti PdP lebih-lebih lagi apabila berlakunya pandemik COVID-19 di mana aktiviti PdP terganggu dan terpaksa dilakukan secara atas talian.

Di samping itu, singkatan SKUK yang terbentuk daripada perkataan Sekolah Ku Universiti Ku. Huruf-huruf yang diambil adalah huruf /s/ daripada perkataan “sekolah”, huruf /k/ daripada perkataan “ku”, huruf /u/ daripada perkataan “universiti” dan huruf /k/ daripada perkataan “ku” juga. Kekekapan bagi penggunaan singkatan SKUK ialah sebanyak sekali. SKUK merupakan suatu program yang diwujudkan kolaborasi antara pihak universiti dengan komuniti sebagai salah satu program kemasyarakatan.

Bagi singkatan OKU pula, huruf /o/ diambil daripada perkataan “orang”, huruf /k/ daripada perkataan “kurang” dan huruf /u/ diambil daripada perkataan “upaya”. Singkatan OKU juga kerap digunakan iaitu sebanyak 22 kali. Sejajar dengan naratif baharu UKM, pihak universiti komited dalam menubuhkan universiti mesra OKU. Antara contoh penggunaan singkatan ini adalah, “Kebitaraan UKM sebagai elemen sebuah universiti watan yang prihatin dan mesra OKU dapat dizahirkan dengan memperkasakan potensi OKU dan komited untuk memperkukuhkan hak golongan ini seiring dengan aspirasi UKM ke arah kampus inklusif

OKU” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).


4.2.2 Inisialisme Bahasa Inggeris

Bentuk inisialisme dalam bahasa Inggeris juga banyak dikenal pasti. Terdapat 8 singkatan yang menggunakan bahasa Inggeris. Jadual 7 menunjukkan data inisialisme bahasa Inggeris.

JADUAL 7

Inisialisme	Frasa Nama
MOOC	Massive Open Online Courses
COE	Centre of Excellence
IR4.0	Industrial Revolution 4.0
IoT	Internet of Things
ODL	Open and Distance Learning
IAMC	Integrated Academic Medical Center
SOP	Standard Operating Procedure
U4S	University for Society

Proses pembentukan kata singkatan inisialisme bahasa Inggeris boleh dilihat dalam Rajah 4. Contoh singkatan yang ditunjukkan adalah MOOC.



Rajah 4: Proses Pembentukan Kata Singkatan Akronim MOOC

Singkatan MOOC terbentuk hasil daripada gabungan huruf-huruf /m/, /o/, /o/ dan /c/ di mana huruf-huruf ini adalah huruf pertama bagi setiap perkataan frasa nama Massive Open Online Courses. MOOC merupakan aktiviti pembelajaran yang dilakukan secara atas talian dan dilakukan secara berskala besar dan bersifat terbuka. Contoh penggunaan singkatan ini adalah, “Pemantapan *Massive Open Online Courses* (MOOC) perlu dipertingkatkan dan ditambah bilangan penawaran agar konsep pendidikan terbuka dapat direalisasikan di UKM” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

Bagi singkatan COE pula, huruf /c/ diambil daripada perkataan “center”, huruf /o/ diambil daripada perkataan “of” dan huruf /e/ diambil daripada perkataan “excellence”. Frasa ini membawa maksud Pusat Kecemerlangan. Pembentukan frasa ini wujud apabila pihak UKM ingin mewujudkan suatu ekosistem penyelidikan sejajar dengan dasar Penyelidik Pengajian Tinggi Negara dan objektif strategik. Antara objektif utama yang ingin dicapai ialah memastikan sumber dana berterusan demi pemerkasaan agenda penyelidikan yang mampan dan berdaya saing, memastikan penyelidikan UKM memberi kesan kepada masyarakat, industri dan negara dan memastikan penyelidikan UKM kekal relevan dengan kepelbagaian rentas bidang dan jaringan.

Selanjutnya, singkatan IR4.0 adalah terbentuk daripada hasil gabungan huruf /i/, huruf /r/ berserta nombor 4.0 yang membentuk frasa nama Industrial Revolution 4.0 atau The Fourth Industrial Revolution. Gabungan huruf-huruf tersebut terdiri daripada huruf /i/ diambil daripada perkataan “industrial” dan huruf /r/ diambil daripada perkataan “revolution”. Antara

contoh konteks ayat yang menggunakan singkatan tersebut adalah, “Kreativiti, inovasi, fleksibiliti dan penyesuaian terhadap perubahan menjadi pemacu utama untuk pertumbuhan dan penciptaan nilai dalam Revolusi Industri Keempat (IR4.0)” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

Sementara itu, singkatan IoT terbentuk daripada hasil gabungan huruf /i/, /o/ dan /t/ yang merujuk kepada perkataan Internet of Things. Huruf /i/ diambil daripada perkataan “internet”, huruf diambil daripada perkataan “of” dan huruf /t/ diambil daripada perkataan “things”. Contoh ayat yang menggunakan singkatan ini adalah, “Seterusnya, prakarsa penting bagi mencapai hasrat tersebut adalah pemantapan rangkaian di kawasan kampus dan diperkasa melalui penyediaan jalur lebar yang mempunyai Ojection Internet berkelajuan 10Gbps serta mengguna pakai teknologi tanpa wayar Wi-Fi 6 dan Wi-Fi 5 beserta sokongan kepada peranti *Internet of Things (IoT)*” (TERAS: Naratif Baharu UKMUniversiti Watan Kita).

Di samping itu, singkatan ODL terbentuk daripada gabungan huruf /o/ yang terbentuk daripada perkataan “open”, huruf /d/ daripada perkataan “distance” dan huruf /l/ daripada perkataan “learning” yang membentuk frasa nama Open and Distance Learning. Penggunaan frasa nama ODL dalam konteks adalah, “Dalam pada itu, UKM juga perlu terus memacu ke arah kemampanan penjana pendapatan melalui langkah strategik termasuk memantapkan lagi program bersifat *massive open online courses (MOOC)*, *micro-credentials*, dan *open distance learning (ODL)*” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

Singkatan seterusnya adalah IAMC yang terbentuk daripada perkataan Integrated Academic Medical Center. Huruf-huruf yang diambil adalah huruf /i/ daripada perkataan “integrated”, huruf /a/ daripada perkataan “academic”, huruf /m/ daripada perkataan “medical” dan huruf /c/ daripada perkataan “center”. Antara contoh penggunaan singkatan ini adalah, “Prakarsa SIHAT mensasarkan pembaharuan dan pemerkasaan Kampus Kuala Lumpur Zon Cheras melalui penambahbaikan kampus dan penyepaduan kesemua fakulti berasaskan perubatan dan sains kesihatan dalam satu kawasan melalui konsep *Integrated Academic Medical Center (IAMC)*” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

Singkatan SOP pula terbentuk daripada hasil gabungan huruf /s/, /o/ dan /p/ yang merujuk kepada perkataan Standard Operating Procedure. Huruf /s/ mengambil daripada perkataan “standard”, huruf /o/ mengambil daripada perkataan “operating” dan huruf /p/ mengambil daripada perkataan “procedure”. Contoh ayat yang menggunakan singkatan ini adalah, “Keterlibatan kepimpinan atau perwakilan pelajar dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan isu hal ehwal pelajar semasa seperti operasi penghantaran pelajar ke kampung dan penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) pandemik COVID-19 menunjukkan pendekatan dua hala bagi meningkat pelajar dan warga UKM” (TERAS: Naratif BaharuUKM Universiti Watan Kita).

Bagi singkatan U4S pula, huruf /u/ diambil daripada perkataan “university”, nombor 4 (four) sebagai indikasi kepada perkataan “for” dalam bahasa Inggeris dan huruf /s/ diambil daripada perkataan “society”. Frasa ini membawa maksud universiti untuk masyarakat. Pembentukan frasa ini wujud sebagai salah satu inisiatif untuk menghubungkan universiti dengan masyarakat setempat. Contoh konteks ayat yang menggunakan singkatan ini adalah, “Prakarsa universiti untuk masyarakat (U4S) menitikberatkan pemindahan ilmu dengan pengisian kesarjanaan menggunakan pendekatan *quadarplehelix* iaitu kolaborasi universiti-agensi-industri-komuniti yang merupakan penambahbaikan kepada Program Pemindahan Ilmu” (TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita).

4.3 Perbincangan

4.3.1 Penggunaan Kata Singkatan dalam Konteks Ayat

Konteks ayat yang digunakan oleh Naib Canselor UKM di dalam bukunya TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita turut diteliti dari segi penggunaan kata singkatan dalam wacana tersebut. Setelah penelitian dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat satu

corak singkatan di mana penggunaan bahasa dicampur adukkan. Campur aduk bahasa yang dimaksudkan adalah penggunaan singkatan dalam bahasa Inggeris iaitu COE dalam teks bahasa Melayu. Penggunaan singkatan COE dalam konteks ini menjelaskan penggunaannya dalam bahasa Inggeris adalah lebih meluas dan mudah difahami. Hal ini kerana singkatan ini banyak digunakan pada tahap global di mana pusat penyelidikan lebih dikenali sebagai COE berbanding dengan Pusat Kecemerlangan. Singkatan COE dianggap bersifat universal disebabkan oleh kepenggunaannya di seantero dunia.

Perkara yang sama juga berlaku terhadap singkatan IR 4.0 yang boleh disebut sebagai Revolusi Industri Keempat, singkatan SOP yang boleh disebut sebagai Prosedur Operasi Standard dan singkatan U4S yang boleh disebut sebagai Universiti untuk Masyarakat. Ismail Dahaman (2017) berpendapat bahawa keutamaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan haruslah diberi perhatian dalam membentuk akronim dan bentuk inisialisme berbanding dengan bahasa Inggeris.

Selain itu, pengkaroniman bahasa Inggeris memperlihatkan singkatan yang membentuk frasa nama dalam bahasa Melayu tetapi membawa maksud yang berlainan dalam bahasa Inggeris. Hal ini berpatutan dengan pandangan Abdullah Hassan (2006) dalam bukunya *Morfologi*. Beliau telah meluaskan konsep akronim, singkatan dan kependekan dalam bahasa Melayu. Menurut beliau, ungkapan yang dipendekkan tidak boleh dianggap sebagai akronim sebaliknya singkatan kerana merujuk perkara yang sama maknanya. Contohnya, perkataan Ahli Dewan Undangan Negeri, jika dipendekkan menjadi ADUN yang membawa makna yang sama. Berlainan pula dengan perkataan cerpen yang merupakan derivasi daripada perkataan cerita dan pendek. Istilah baharu terbentuk melalui proses pengakroniman dan membawa maksud cerita pendek. Oleh itu, Abdullah Hassan (2006) berpendapat bahawa ungkapan yang dipendekkan itu tidak boleh dikatakan akronim sebaliknya singkatan kerana merujuk perkara yang sama maknanya.

Dalam konteks ini, bentuk akronim seperti TERAS, SIHAT dan SULAM mempunyai ungkapan yang berlainan dengan perkara yang dirujuk. Contohnya, “teras” yang pada asasnya membawa maksud tunjang atau dasar. Dalam konteks wacana ini, TERAS merupakan akronim yang membawa maksud “Talent Ethics Revitalize Agile Soul”. Penggunaan akronim yang membentuk frasa nama dalam bahasa Melayu berlainan dengan maksud sebenar. Akronim TERAS banyak digunakan kerana ia membawa nilai-nilai yang ingin diterapkan. Bersesuaian dengan maksud asal “teras” yang bersamaan dengan tunjang di mana sesebuah institusi memerlukan nilai yang asas supaya sesebuah institusi tersebut dapat maju.

Namun begitu, perbezaan pemahaman berkenaan akronim dalam kalangan pakar bahasa menyebabkan pembentukannya dalam bahasa Melayu tidak mendapat kata sepakat daripada ahli bahasa kerana tidak berdasarkan prinsip yang jelas. Pendapat Abdullah Hassan (2006) tersebut bertentangan dengan takrif tentang singkatan seperti yang diterangkan oleh Nik Safiah Karim atau aliran tatabahasa Transformasi Generatif yang menggunakan istilah ‘kependekan’ dan ‘penyingkatan’ bagi mendefinisikan makna akronim. Perbezaan pemahaman antara ahli bahasa dan atas sebab, akronim sebagai salah satu pembentukan kata dalam bahasa Melayu yang tidak pernah mendapat kata sepakat kerana tidak berlandaskan prinsip yang jelas dianggap sebagai satu kelompongan dalam kajian yang berasaskan pembentukan kata yang melalui proses pemendekan.

5. Rumusan dan Cadangan

Dapatan daripada kajian merumuskan bahawa penggunaan singkatan banyak digunakan di dalam wacana kepimpinan TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita yang ditulis oleh Naib Canselor UKM. Tindakan ini juga sebenarnya membantu masyarakat untuk mengenali dan mengingati singkatan-singkatan yang digunakan dalam konteks yang betul. Kajian yang dilakukan ini membawa perkongsian kajian yang boleh dimanfaatkan oleh warga

UKM dan masyarakat setempat tentang inisiatif serta beberapa program yang telah dijalankan UKM dalam pelbagai bidang melalui kata singkatan yang diguna pakai melalui wacana kepimpinan. Pengkaji dapat menganalisis penggunaan singkatan akronim dan inisialisme yang digunakan dalam wacana TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita. Selanjutnya, pengkaji dapat menganalisis bentuk singkatan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris melalui pendekatan Ismail Dahaman (2017) sebagai rujukan.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan kepimpinan pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. (2004). *Akademika 65*, Julai, pp. 3-25.
- Ismail Dahaman. (2017). *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Kata – Unsur Bergabung Tutur Bersambung*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd Ekhwan Hj. Toriman. (2021). *TERAS: Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. (2021). Video Rakaman Sejenak Minda Siri 6 Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, 27hb Ogos 2021. Facebook Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. (2021). Video Rakaman Sejenak Minda Siri 6 Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, 27hb Ogos 2021. YouTube “UKM Tube - Universiti Kebangsaan Malaysia”.
- Muhammad Marwan Mohd Tanos & Nik Safiah Karim. (2020). *Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal*. International Journal of the Malay World and Civilisation 2(3), 2014: 51-65.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Atiqah Nor Azman & Harishon Radzi. (2017). *Bahasa Lincah: Pembentukan Kata Baharu dalam Komik Humor Remaja*. Jurnal Linguistik Vol. 21 (1): 67-74.
- Roslan Ali, Mary Fatimah Subet, Shahira Johan, Muhammad Zaid Daud, Salbia Hassan & Dayang Sariah Abang Suhai. (2021). *Kefahaman Masyarakat Terhadap Kewujudan Akronim Baharu Semasa COVID-19*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. 12: 81-90.

